

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 22 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

MENGANGKAT SUMPAAH

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1532-L11786
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kewajaran Malaysia untuk menyertai gabungan ekonomi BRICS dan bagaimanakah penyertaan tersebut tidak merencatkan segala perancangan serta hubungan perdagangan global dengan negara-negara pro Amerika Syarikat memandangkan antara falsafah yang diketengahkan oleh BRICS adalah *dedollarisation*.
2. PN-1532-L11688
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan dalam menggubal penubuhan suatu Charities Commission seperti di United Kingdom bagi mengawal selia hal ehwal berhubung khairat di Malaysia termasuk pemantauan terhadap dana-dana yang dikumpulkan oleh pertubuhan-pertubuhan khairat dari orang awam.
3. PN-1532-L11825
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah nilai tambah baharu yang ditawarkan dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 yang akan bermula tahun hadapan.
4. PN-1532-L11748
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status dan penjelasan berhubung National Fund-of-Funds yang bakal diterbitkan oleh pihak Khazanah Nasional daripada sudut kemampuannya dan manfaat yang bakal diterima oleh pemain industri dalam kalangan Bumiputera dan juga bukan Bumiputera.

5. PN-1532-L11536
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) bagi Program Rakan Muda dan apakah usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai belia menyertai program tersebut.
6. PN-1532-L12038
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan laporan Sinar Harian bertarikh 27 Oktober 2023 yang menyatakan bahawa hanya 15.2% pelajar di seluruh negara memilih aliran Sains untuk tingkatan empat bagi sesi 2023/2024. Apakah sasaran yang sepatutnya untuk aliran Sains dan strategi untuk meningkatkan pelajar aliran Sains.
7. PN-1532-L11656
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana pihak Kementerian memperkasa penguatkuasaan dan memberi kesedaran dalam kalangan masyarakat berkenaan pembuangan sampah yang tidak terkawal di merata tempat.
8. PN-1532-L11485
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hasil yang telah dicapai daripada program Agropreneur Muda dan bagaimanakah Kementerian merancang untuk memperluaskan program ini.
9. PN-1532-L12273
Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan berkenaan kenaikan tarif elektrik dan air di Malaysia sedangkan Kerajaan Singapura berupaya untuk menurunkan tarif elektrik di Housing & Development Board (HDB). Bukankah Singapura mendapat bekalan elektrik dari Malaysia.
10. PN-1532-L12343
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklum balas hasil Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah kompetensi DUN menggubal undang-undang supaya tidak bercanggah dengan kuasa Persekutuan.

11. PN-1532-L12077

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status pemantauan berkala Kementerian terhadap kenaikan harga barangan asas sejak penyasaran semula subsidi diesel dilaksanakan dan berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan pada kadar yang tidak munasabah.

12. PN-1532-L12240

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha intervensi yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mewujudkan kerjasama akrab antara penyedia program dengan pihak industri bagi memacu perkembangan program TVET di seluruh negara.

13. PN-1532-L11776

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik hasil wakaf harta dan wakaf tunai sepanjang tempoh tahun 2022 hingga tahun 2024. Apakah langkah Kerajaan untuk mengawal selia pembangunan tanah wakaf dalam memacu ekonomi Islam terutama di Wilayah Persekutuan.

14. PN-1532-L11495

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah dasar-dasar yang dilaksanakan bagi melindungi harta intelektual dan menggalakkan inovasi.

15. PN-1532-L12102

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) statistik isu gangguan mental, psikologi dan seksual dalam kalangan pelajar sekolah yang terkini, serta langkah usaha intervensi menangani isu tersebut; dan
- (b) tahap kesedaran dan pendedahan pelajar terhadap isu kesihatan mental, psikologi dan seksual susulan capaian dunia luar tanpa sempadan dalam kalangan pelajar sekolah pada masa kini.

16. PN-1532-L12256
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pelaksanaan pemasangan kamera badan anggota polis rentetan daripada kontrak bernilai RM 28 juta yang ditandatangani oleh Kementerian bagi perolehan peranti untuk pelaksanaan tersebut yang melibatkan Syarikat Mindwave Consultancy Sdn. Bhd.
17. PN-1532-L11962
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan suatu rang undang-undang khusus berkaitan Kecerdasan Buatan (AI) bagi melindungi rakyat daripada risiko penyalahgunaan dan pencerobohan privasi yang disebabkan oleh sistem atau aplikasi menggunakan teknologi kecerdasan buatan, sepertimana yang dilaksanakan oleh negara-negara Kesatuan Eropah iaitu dengan menguatkuasakan The European Union Artificial Intelligence Act yang telah pun dikuatkuasakan pada 21 Mei 2024.
18. PN-1532-L11822
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan setakat mana usaha-usaha memudahkan cara potensi pelaburan antarabangsa dalam pelbagai sektor bernilai tinggi ke Terengganu bagi tahun 2020, 2021, 2022, 2023 dan enam bulan pertama tahun 2024.
19. PN-1532-L11452
Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap kumpulan sindiket yang menggunakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai pengemis.
20. PN-1532-L11699
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) bagaimana Malaysia telah mengimplementasikan penggunaan teknik adaptasi iklim dalam garis panduan perancangan bandar dan kelulusan bangunan; dan
 - (b) adakah terdapat sebarang insentif untuk para pemaju meneroka dan menerapkan teknik adaptasi iklim dalam pembangunan mereka seperti Sponge City yang diperkenalkan di China.

21. PN-1532-L11998
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi insentif tertentu untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) dalam kalangan penjawat awam memandangkan bahawa harga EV masih dalam lingkungan RM100 ribu.
22. PN-1532-L11739
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah program pertanian dan penternakan yang telah dijalankan, sedang diusahakan dan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk di kawasan Skim Penempatan Semula (RASCOM) di Sarawak.
23. PN-1532-L12152
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan statistik jumlah penyertaan usahawan baru pada tahun 2024 dan apakah usaha Kementerian untuk meringankan beban operasi usahawan baru ekoran pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel bermula 10 Jun 2024 yang lalu.
24. PN-1532-L11562
Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah komprehensif yang diambil oleh pihak berkuasa dalam membanteras sindiket penipuan siber, termasuk statistik tangkapan dan kadar penyelesaian kes serta perincian kerjasama antarabangsa yang sedang berjalan.
25. PN-1532-L12184
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penjawat awam yang ditahan, didakwa dan didapati bersalah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 sejak tahun 2020.
26. PN-1532-L11951
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah terperinci dan menyeluruh pihak Kementerian untuk memperkukuh inisiatif seperti portal MYFutureJobs dan Program Karnival Kerjaya untuk terus menyokong penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan di Malaysia memandangkan data statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), iaitu seramai 7,049 pekerja OKU telah direkodkan bekerja dalam sektor swasta dari tahun 2022 sehingga 31 Mei 2024.

27. PN-1532-L11867
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian dan perancangan pihak Kementerian bagi menambah bilangan Pusat Internet Desa (PID) yang mampu berfungsi sebagai hab pendidikan digital di seluruh negara khususnya di Perlis yang hanya memiliki 1 buah PID sahaja.
28. PN-1532-L11607
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah dirancang atau dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperkasakan ekonomi digital di negeri Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman seperti Belaga, Baram dan Mulu.
29. PN-1532-L11713
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
(a) langkah bagi mengetatkan syarat permohonan lesen senjata api di negara ini; dan
(b) apakah strategi bagi memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap insiden penyeludupan senjata api di dalam negara.
30. PN-1532-L12212
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keluasan dan status terkini tanah yang dahulunya dijadikan pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi.
31. PN-1532-L11915
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan kajian teknikal pembinaan jambatan Labuan.
32. PN-1532-L12067
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
(a) adakah Kerajaan akan meneliti semula keperluan pindaan terhadap Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 terutamanya dalam Seksyen 88 (3) yang dianggap berat sebelah dan tidak memberi ruang yang secukupnya kepada golongan bapa; dan

- (b) nyatakan jumlah (termasuk peratus) kanak-kanak di bawah umur 7 tahun dan berumur lebih 7 tahun yang diberi hak penjagaan kepada ibu atau bapa, dalam tempoh 5 tahun yang lalu.
33. PN-1532-L11595
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf e-sukan yang menjadi mata pencarian usahawan dalam kalangan orang muda dan apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menaikkan industri ini.
34. PN-1532-L12309
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan program dwibahasa (Dual Language Programme) di sekolah dan implikasinya kepada pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara.
35. PN-1532-L11756
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi melibatkan agensi dan syarikat-syarikat tempatan dalam perkembangan kemahiran tempatan seiring dengan pelaburan masuk dalam bidang semikonduktor terutamanya daripada negara-negara besar seperti China, Amerika Syarikat, Jerman dan beberapa negara Eropah yang lain.
36. PN-1532-L11444
Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan guru-guru terlatih dalam pendidikan khas dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah kekurangan guru-guru pendidikan khas di seluruh negara.
37. PN-1532-L11902
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan lokasi laluan *redline* di Lebuhraya Pan Borneo dan jumlah yang akan diperuntukkan bagi menyelenggara laluan tersebut.
38. PN-1532-L11587
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan beras putih tempatan sukar untuk didapati di pasaran dan usaha pihak Kerajaan melalui Kementerian dalam menangani masalah ini.

39. PN-1532-L12122
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah impak ekonomi terhadap negara Malaysia akibat sokongan berterusan Kerajaan Malaysia kepada negara Palestin.
40. PN-1532-L11477
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pendidikan inklusif bagi pelajar-pelajar Pendidikan Khas; dan
 - (b) bagaimanakah Kementerian menyokong guru-guru dalam mendidik pelajar dengan keperluan khas ini.
41. PN-1532-L11814
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil Kementerian dalam menggalakkan peneraju syarikat penerbangan seperti MAS dan AirAsia serta syarikat penerbangan asing bagi memperbanyakkan laluan domestik dan laluan antarabangsa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud di Kuala Terengganu.
42. PN-1532-L11747
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak terhadap peruntukan diberikan oleh Kementerian sebanyak RM1 bilion untuk membaiki sekolah-sekolah daif serta adakah Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mengemukakan laporan rasmi Sektor Infrastruktur dan Perolehan (SIP) kepada Kementerian.
43. PN-1532-L11964
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing dalam bidang pusat data di seluruh negara dalam tempoh 2022 hingga 2024 yang telah mula beroperasi dan yang masih dalam proses pembinaan. Di negeri-negeri manakah terletakanya pusat-pusat data tersebut.
44. PN-1532-L11666
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah penyelesaian secara menyeluruh mengenai isu ketidakhadiran calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memastikan pelajar-pelajar ini tidak tercicir daripada sistem pendidikan.

45. PN-1532-L11895
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah dan kawalan terhadap kemampuan bank digital dalam memastikan peranan penting kelestarian kecekapan kewangan di Malaysia seterusnya memacu inovasi dan transformasi kewangan industri perbankan.
46. PN-1532-L12007
Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian mengenai pengoperasian Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia, iaitu jumlah staf mengikut kaum, skala gaji yang dibayar kepada staf, elaun-elaun yang diterima oleh ahli Lembaga dan kepada siapakah laporan-laporan tahunan Lembaga dikemukakan.
47. PN-1532-L11541
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam menghadapi kadar kelahiran yang semakin merosot yang akan memberi kesan secara langsung kepada masa depan sosioekonomi negara terutama dalam bekalan tenaga dan bakat.
48. PN-1532-L11503
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif strategik yang penting atau dasar-dasar yang sedia ada yang memacu sains teknologi dan inovasi di Malaysia.
49. PN-1532-L11833
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menjadikan sukan sepak takraw sebagai sukan teras dan dimasukkan dalam Program Podium.
50. PN-1532-L12009
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan atau telah menyalurkan peruntukan yang secukupnya kepada negeri Sabah untuk membantu meningkatkan kualiti perawatan air di seluruh wilayah Sabah dengan pembinaan sistem Simpanan Luar Sungai (ORS) di loji-loji rawatan air yang terpilih.

51. PN-1532-L12347
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak peruntukan bagi latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diberikan kepada Sabah dan bagaimanakah pihak Kementerian boleh membantu golongan muda di Sabah dalam usaha meningkatkan produktiviti serta usaha mengurangkan pengangguran di Sabah.
52. PN-1532-L12059
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi jangka panjang Kerajaan untuk memastikan semua sekolah di kawasan luar bandar mempunyai akses kepada kemudahan asas yang mencukupi dan guru yang terlatih serta keberkesanan program MyDigital Teacher dalam merapatkan jurang pendidikan digital.
53. PN-1532-L11989
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan saluran subsidi minyak petrol hanya akan diperolehi oleh golongan yang benar-benar layak menerima.
54. PN-1532-L12232
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan terkini pembangunan projek rintis Perumahan Inklusif MADANI bagi menampung keperluan golongan sasaran yang tinggal di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.
55. PN-1532-L11528
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai rancangan program pertanian di bandar sebagai langkah untuk mengatasi isu keterjaminan makanan dan kenaikan kos sara hidup.
56. PN-1532-L11436
Senator Tuan Isaiyah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan apakah pendirian Kementerian bagi mengeluarkan Seksyen 41 dan 42.

57. PN-1532-L11723

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah Kementerian dalam mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh golongan pesawah terhadap kos operasi yang tinggi berikutan langkah penyasaran subsidi bahan api diesel yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

58. PN-1532-L12335

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan maklumat terkini tentang inisiatif Electronic Medical Report (EMR) dan berapakah fasa yang diperlukan untuk menjayakan projek ini.

59. PN-1532-L11794

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah penjawat awam yang dijangka akan beralih kepada segmen pendapatan isi rumah M40 dan T20 rentetan daripada pengumuman kenaikan lebih 13 peratus gaji dan adakah kenaikan tersebut signifikan kepada penjawat awam yang bergred rendah untuk keluar daripada status miskin bandar.

60. PN-1532-L12048

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangani isu mikroplastik yang membahayakan rakyat Malaysia memandangkan Malaysia antara negara paling tinggi di dunia dalam kadar pengambilan mikroplastik. Apakah kemudahan daripada pengambilan kandungan mikroplastik yang tinggi.

61. PN-1532-L12324

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan penyasaran subsidi untuk bahan bakar lain terutamanya petrol RON95.

62. PN-1532-L12114

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peranan dan tindakan agresif Kementerian dalam menyemarakkan penglibatan sektor sukan negara dalam kelayakan arena antarabangsa yang semakin suram.

63. PN-1532-L11603
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menarik minat golongan belia untuk menceburi diri dalam bidang koperasi.
64. PN-1532-L12312
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan ke arah penambahbaikan nilai Ringgit berbanding Dolar AS dan bilakah usaha itu akan berjaya.
65. PN-1532-L12164
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan hasrat kerajaan melahirkan bakat tempatan dalam industri Elektrik dan Elektronik (E&E) serta promosi bagi meningkatkan penglibatan anak muda khususnya dari luar bandar.
66. PN-1532-L12265
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah modul latihan perguruan yang sedia ada ditambah baik secara berterusan sebagai usaha untuk membentuk kredibiliti serta kematangan guru sebagai golongan pendidik yang rasional dalam setiap tindak-tanduk memandangkan terdapat banyak kes yang melibatkan guru yang berlebih-lebihan dalam mendenda pelajar.
67. PN-1532-L11948
Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah keberkesanan integrasi maklumat-maklumat e-Kasih dan iDamak yang digunakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk mengurus semua maklumat Orang Asli.
68. PN-1532-L11572
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kajian terperinci mengenai faedah dan risiko penyertaan Malaysia dalam kumpulan BRICS termasuk analisis ekonomi dan geopolitik serta pendapat dari pelbagai pihak berkepentingan mengenai penyertaan ini.
69. PN-1532-L12204
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan strategi baharu dalam menambah baik aspek penguatkuasaan bagi memastikan isu penyeludupan minyak petrol dan diesel di kawasan sempadan negara dapat diatasi.

70. PN-1532-L11473

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pecahan mengikut negeri-negeri peruntukan yang disalurkan untuk menyelesaikan masalah klinik-klinik daif dan peratusan klinik-klinik daif yang telah diperbaiki setakat ini.

71. PN-1532-L12144

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah perancangan dan pengukuhan tatakelola keselamatan dan pengurusan aset strategik lapangan terbang dan pelabuhan di seluruh negara agar pemegang saham dana asing tidak menjadikan kuasa pegangan saham dalam aset pengangkutan awam negara dikompromikan dan terdedah kepada ancaman jenayah global.

72. PN-1532-L11939

Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan semua tanah Orang Asli diwartakan segera sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 7 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134].

73. PN-1532-L12098

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) strategi utama untuk meningkatkan sistem saliran dan infrastruktur bagi mengurangkan risiko banjir sambil memastikan teknologi baru daripada Huawei, melalui MoU TPM, efektif dalam iklim dan geografi Malaysia; dan
- (b) langkah Malaysia bagi merancang sistem amaran awal yang responsif dalam masa 30 saat untuk mengelola bencana banjir.

74. PN-1532-L11936

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bentuk kawalan ke atas harga rumah yang dilaporkan agak tinggi di Sarawak berbanding di negeri-negeri lain di Malaysia selain Selangor dan Wilayah Persekutuan.

75. PN-1532-L11457

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan menyalurkan peruntukan RM100 juta untuk membaik pulih sekolah dan klinik daif di Sarawak seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di Sarawak semasa Majlis Gawai Dayak pada 23 Jun 2024.

76. PN-1532-L11643

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah pendaftaran kenderaan industri yang telah berdaftar dan layak mendapat subsidi diesel setakat ini dan apakah kriteria yang melayakkan mereka mendapatkan *fleet card* untuk kenderaan industri tersebut.

77. PN-1532-L11927

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas Penilaian Berkala Sejagat (UPR) terkini yang dibuat oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) ke atas rekod hak asasi manusia di Malaysia.

78. PN-1532-L11674

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap keselamatan di Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia dan statistik tangkapan serta penguatkuasaan bagi memastikan perairan negara sentiasa dilindungi dan memajukan ekonomi sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat .

79. PN-1532-L12247

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenal pasti secara spesifik jumlah RM 277 bilion yang hilang akibat perbuatan rasuah serta penyelewengan wang dan apakah tindakan segera yang telah dimulakan oleh Kerajaan untuk mendapatkan semula wang tersebut.

80. PN-1532-L12054

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana penglibatan dan apakah pendirian pihak Kementerian untuk memastikan pindaan kepada kaedah-kaedah dalam enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992, Negeri Sabah khususnya dalam had umur perkahwinan anak negeri.

81. PN-1532-L11806

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keterjaminan kesejahteraan sosioekonomi rakyat oleh Kerajaan Perpaduan Madani berikutan penjimatan subsidi diesel dan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) 8 peratus pada 1 Mac 2024 lalu.

82. PN-1532-L12027

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada aduan diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai kualiti kain pakaian seragam yang diterima oleh pegawai-pegawai KKM khususnya untuk Jururawat. Berapakah kos pembelian sepasang kain yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan mengikut pelbagai skim perjawatan yang layak.

83. PN-1532-L11952

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana pemantauan oleh pihak Kementerian mengenai barang-barang keperluan asas yang dijangka akan menerima impak daripada pelaksanaan subsidi diesel bersasar dan bagaimana cara untuk mengatasinya supaya tidak menyusahkan rakyat.

84. PN-1532-L11853

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah kawal selia, garis panduan, dan undang-undang ketinggalan zaman yang menjadi titik kesakitan perniagaan; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan mekanisme semakan untuk menyelaraskannya.

85. PN-1532-L11580

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status terkini pelaksanaan Dual Language Programme (DLP) yang dilaksanakan di sekolah; dan
- (b) adakah peraturan baharu DLP hanya terhad kepada sekolah-sekolah tertentu sahaja dan tidak melibatkan sekolah elit seperti sekolah berasrama penuh.

86. PN-1532-L12192
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status semasa cadangan pembinaan Hospital Marang dan bilakah ia akan mula dilaksanakan.
87. PN-1532-L11619
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah kaedah penilaian atau justifikasi apabila terdapat rayuan subsidi diesel daripada beberapa sektor industri yang tidak termasuk dalam 23 kategori kenderaan layak.
88. PN-1532-L12300
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah prospek pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2025 dan bagaimanakah prospek itu hendak direalisasikan.
89. PN-1532-L11553
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) perbezaan aspek tatacara perundangan terhadap semakan Kadar Pemberian Khas Kepada Negeri Sabah di bawah Perkara 112C & 112D Perlembagaan Persekutuan yang dilaksanakan pada tahun 2020 dan 2023; dan
 - (b) sama ada semakan tahun 2020 yang telah dibentangkan dalam Belanjawan Persekutuan 2020 pada 11 Oktober 2019 tidak memerlukan Warta dan Perintah Yang di-Pertuan Agong sebagaimana semakan pada tahun 2023.
90. PN-1532-L11515
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar yang menerima program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) mengikut negeri dan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk memberi makanan percuma kepada semua pelajar sekolah rendah terutamanya kepada pelajar sekolah luar bandar memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat.

91. PN-1532-L11691

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil dalam memastikan pendigitalan dokumen di semua peringkat Kerajaan dan adakah sebarang perancangan dibuat untuk membolehkan simpanan dokumen salinan digital (*softcopy*) yang boleh dipinda (*editable*) demi kelancaran operasi Kerajaan.

92. PN-1532-L11678

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana kesan terhadap ekonomi dan sosial negara susulan penyertaan Malaysia dalam organisasi Brazil, Russia, India, China, and South Africa (BRICS) dan bilakah perkembangan proses penyertaan negara akan diumumkan kelak .

93. PN-1532-L11841

Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan prinsip kebebasan media yang diamalkan oleh pihak Kerajaan.

94. PN-1532-L11627

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah cadangan pihak Kementerian untuk memindahkan Hospital Bukit Mertajam ke kawasan yang lebih luas dan selesa memandangkan kawasan yang sedia ada padat dan sempit, serta tidak sesuai lagi untuk 10 hingga 20 tahun akan datang.

95. PN-1532-L12132

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di seluruh negara. Nyatakan tindakan serta rancangan masa pendek dan panjang pihak Kementerian berkenaan masa depan SJKT berstatus SKM.

96. PN-1532-L11658

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kedaulatan politik negara menentang genosid dan kedaulatan ekonomi negara yang menerima BlackRock melalui Global Infrastructure Partners (GIP) memiliki pegangan saham yang besar dalam Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) demi pulangan tunai mudah apabila dikonsortiumkan.

97. PN-1532-L11648
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jalan penyelesaian berkenaan masalah pengangkutan pelajar sekolah Orang Asli yang sering tergendala seterusnya menyebabkan pelajar ini tidak hadir ke sekolah.
98. PN-1532-L11883
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah peratusan usahawan tempatan yang telah berjaya mengeksport produk mereka ke luar negara dari tahun 2018 sehingga tahun 2023 dan apakah langkah yang diambil Kementerian dalam mengenal pasti pasaran eksport baharu sekali gus membantu dalam aktiviti pengantarabangsaan mereka.
99. PN-1532-L11885
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan memperluaskan Operasi Khas Pagar Laut melalui Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di kawasan titik panas perairan negara yang dijalankan semasa musim perayaan ke seluruh sempadan negara.
100. PN-1532-L12180
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam mempromosikan Askar Wataniah bagi meningkatkan penglibatan orang awam sesuai dengan konsep HANRUH.
101. PN-1532-L11981
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah umur 60 tahun diguna pakai bagi tafsiran warga emas dan bukannya 65 tahun seperti di negara Singapura dan United Kingdom memandangkan warganegara berumur 60 tahun di Malaysia masih sihat dan aktif.
102. PN-1532-L11523
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah segera pihak Kerajaan bagi memastikan masalah jaringan internet di kawasan luar bandar di Kelantan dapat diatasi dan apakah status projek Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di negeri Kelantan.

103. PN-1532-L11845

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa cepat pemilik kenderaan logistik memperoleh bayaran balik daripada mekanisme bayaran balik sementara memandangkan mereka mesti menyimpan resit pembelian diesel mereka untuk tujuan audit.

104. PN-1532-L12272

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status semasa ke arah usaha sama antara Kerajaan Malaysia dan Filipina bagi menjayakan hubungan laut antara Kudat, Sabah dan Palawan, Filipina.

105. PN-1532-L12088

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penjelasan mengenai laporan Bank Dunia yang menyatakan bahawa pelajar di Malaysia tidak mendapat pembelajaran yang mencukupi di sekolah. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

106. PN-1532-L11912

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan masa depan Kementerian dalam memastikan kesinambungan dan peningkatan baharu di dalam kualiti pendidikan tinggi sepertimana yang diungkapkan oleh YB Menteri iaitu dengan mengambil kira wahana *human transformer, culture binder, techno-centric* dan bercirikan *excellence with a soul* memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) akan tamat pada tahun hadapan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah keciciran minat dalam pengajian tinggi dan masalah kebolehpasaran graduan.

107. PN-1532-L12224

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status terkini Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO bagi memberi perlindungan kepada para seniman yang menjalankan pekerjaan sendiri.

108. PN-1532-L11875

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang telah menerima tajaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) sejak tahun 2000 sehingga kini dan berapakah jumlah pelajar tajaan MARA yang berkhidmat di dalam negara serta di luar negara.

109. PN-1532-L12172

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan tarif elektrik bermula awal tahun 2025.

110. PN-1532-L12294

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan modul-modul yang dilaksanakan oleh Akademik Kenegaraan Malaysia dan modus operandi akademi tersebut.

111. PN-1532-L11465

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan laporan bulanan berkenaan dengan pelaksanaan Ekonomi MADANI yang giat dilaksanakan bagi meyakinkan pelabur dan rakyat dengan data-data yang dikeluarkan.

112. PN-1532-L11711

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah Pusat Internet yang sedia ada sehingga kini mengikut kategori DUN di Sarawak; dan
- (b) adakah Kementerian merancang untuk menambah Pusat Internet di setiap kawasan DUN Sarawak dan jika ada, bilakah perancangan tersebut akan dimulakan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 12/2024) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2024
[Menteri Sumber Manusia]
Bacaan Kali Yang Kedua
2. (D.R. 11/2024) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024
[Menteri Sumber Manusia]
Bacaan Kali Yang Kedua
3. (D.R. 23/2024) Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
4. (D.R. 24/2024) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
5. (D.R. 25/2024) Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 (dengan pindaan di Peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis)
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
6. (D.R. 28/2024) Rang Undang-undang Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
7. (D.R. 26/2024) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
8. (D.R. 27/2024) Rang Undang-undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua

- | | | | |
|-----|----------------|---|---------------------------------------|
| 9. | (D.R. 30/2024) | Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2024

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 10. | (D.R. 29/2024) | Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 11. | (D.R. 16/2024) | Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 12. | (D.R. 38/2024) | Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 13. | (D.R. 39/2024) | Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 14. | (D.R. 17/2024) | Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024

[Menteri Dalam Negeri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 15. | (D.R. 22/2024) | Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024

[Menteri Dalam Negeri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 16. | (D.R. 15/2024) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 17. | (D.R. 14/2024) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |

- | | | | |
|-----|----------------|--|---------------------------------------|
| 18. | (D.R. 40/2024) | Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 19. | (D.R. 41/2024) | Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 20. | (D.R. 21/2024) | Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024

[Menteri Digital] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 21. | (D.R. 31/2024) | Rang Undang-undang Perubahan (Pindaan) 2024

[Menteri Kesihatan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 22. | (D.R. 7/2024) | Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 23. | (D.R. 33/2024) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 24. | (D.R. 34/2024) | Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 25. | (D.R. 35/2024) | Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 26. | (D.R. 36/2024) | Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 27. | (D.R. 37/2024) | Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024

[Menteri Kewangan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD 8	Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan	22 Julai 2024
CMD 9	Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	22 Julai 2024
ST 25	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara (ISN) Bagi Tahun 2021	22 Julai 2024
ST 26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Bagi Tahun 2021	22 Julai 2024
ST 57	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara (MSN) Bagi Tahun 2021	22 Julai 2024
ST 60	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sultan Zainal Abidin Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 66	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bagi Tahun 2023	22 Julai 2024
ST 70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2023	22 Julai 2024
ST 71	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2023	22 Julai 2024

ST 72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 75	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 78	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 83	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan (KWSMP) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 86	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2021	22 Julai 2024

ST 87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 88	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 91	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMEECorp) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 100	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024
ST 102	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2023	22 Julai 2024
ST 103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Bagi Tahun 2021	22 Julai 2024
ST 106	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2022	22 Julai 2024